

05 MAY 1998

Selvarajah-Riwayat

PENGERUSI KTM SELVARAJAH MENINGGAL DUNIA

KUALA LUMPUR, 5 Mei (Bernama) -- Pengerusi Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTM), Tan Sri C. Selvarajah, meninggal dunia pada 2.25 pagi ini, menurut kenyataan KTM.

Selvarajah, 70, bekas senator meninggal dunia di Hospital Kuala Lumpur di sini setelah uzur untuk seketika.

Mendiang dilahirkan di Kuantan pada 12 Ogos, 1927.

Selepas menamatkan alam persekolahannya di sekolah Menengah Clifford, Kuantan beliau melanjutkan pengajian dalam bidang perundangan di Middle Temple di London dan mula mengamalkan perguaman di sini untuk lebih 30 tahun setelah diterima sebagai peguam pada 1960.

Sebelum melanjutkan pengajian dalam bidang perundangan, Selvarajah pernah mengikuti jurusan perubatan di Kolej Perubatan King Edward VII di Singapura pada 1947, selama setahun.

Antara penuntut dalam kelas perubatan tahun itu ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Selvarajah memegang pelbagai jawatan dalam riwayatnya. Tempoh perkhidmatan beliau di KTM dan UMW Holdings Bhd merupakan yang paling cemerlang bagi beliau dalam dunia korporat.

Beliau merupakan pengerusi UMW Holdings antara 1978 dan Februari 1989.

Pada Oktober 1989, Selvarajah dilantik sebagai pengerusi KTM, yang pada masa itu dikenali sebagai Keretapi Tanah Melayu. KTM diperbadankan pada 1992 dan diswastakan pada 1997 dan beliau terus dikekalkan sebagai pengerusi lembaga pengarah KTM.

Beliau juga pernah dilantik sebagai pengerusi Maika Holdings pada 1990 dan Time Engineering.

Menurut rakan karibnya, bekas hakim Mahkamah Rayuan, Datuk V.C. George, impian Selvarajah ialah untuk memperkenalkan perkhidmatan keretapi laju antara Singapura dan Kuala Lumpur. "Beliau telah berusaha menjadikan impian itu kenyataan sejak 15 tahun lepas," katanya.

Bercakap kepada pemberita di kediaman mendiang di Petaling Jaya, George berkata Selvarajah juga merupakan seorang ahli sukan dan peminat kelab bola sepak Arsenal yang memenangi Liga Perdana Inggeris tahun ini. "Beberapa minggu lepas, Tan Sri bercadang untuk pergi menyaksikan Arsenal bermain," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif KTM, Che Khalib Mohd Noh menyifatkan kematian Selvarajah sebagai kehilangan besar kepada KTM. Walaupun diserang angin ahmar lebih kurang enam bulan lepas, beliau menyertai dengan aktif mesyuarat-mesyuarat lembaga KTM, katanya.

Selvarajah meninggalkan seorang anak berusia 25-tahun.

Jenazahnya akan disempurnakan pada 2 petang esok di Krematorium Cina Petaling Jaya di Kampung Tunku. -- BERNAMA

TEAM PR